

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON**  
**[TEBRAU]**

**SOALAN NO. 141**

**Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklumat mengenai hasil Kerajaan Persekutuan untuk Johor dari 2014 hingga 2018, dengan butiran terperinci seperti berikut: cukai pendapatan individu, cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan lain-lain, GST/SST, cukai lain-lain dan hasil lain-lain agensi kerajaan persekutuan, dan jumlah peruntukan/sumbangan/perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk Johor, dengan butiran terperinci menurut Jadual Ke-10 Perlembagaan Persekutuan .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk mengutip hasil cukai iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung.

Secara amnya cukai langsung terdiri dari cukai pendapatan syarikat dan individu termasuk cukai pegangan ke atas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia oleh mana-mana bukan pemastautin, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi keuntungan luar biasa.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, Bahagian VII Peruntukan Kewangan, Perkara 97 Kumpulan Wang Disatukan di perenggan (1), segala hasil dan wang termasuk hasil cukai yang dikutip melalui LHDNM dan JKDM yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan yang ditadbir oleh Jabatan Akauntan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dibayar kepada LHDNM atau JKDM di peringkat negeri tidak menggambarkan bahawa cukai yang dihasilkan adalah daripada sumbangan sebenar aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini kerana negeri di mana lokasi cawangan agensi kutipan cukai yang menerima pembayaran cukai langsung atau tidak langsung adalah berkemungkinan besar berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal sebenar pembayar cukai.

**NO SOALAN : 141**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah memberikan sumbangan dan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2014 hingga 2018 seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan (RM)</b>
2014	9,943,964,582
2015	10,593,515,864
2016	11,435,836,445
2017	12,541,042,512
2018	10,565,870,708
<b>Jumlah</b>	<b>55,080,230,111</b>

Klasifikasi pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri tersebut adalah mengikut Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan, antaranya ialah Pemberian Ikut Kepala (*Capitation Grant*), Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (*State Roads Grant*), Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Di Bawah Senarai Bersama.